

21 JUN, 2025

## Lebih 23.6 juta pengguna domestik Semenanjung nikmati kadar lebih adil



Utusan Malaysia, Malaysia

# Lebih 23.6 juta pengguna domestik Semenanjung nikmati kadar lebih adil

Oleh ARIF AIMAN ASROL  
aman.asrol@mediamala.com.my

**PETALING JAYA:** Lebih 23.6 juta pengguna domestik di Semenanjung akan menerima kadar elektrik baharu menerusi pelaksanaan jadual taraf elektrik baharu yang diluluskan oleh kerajaan.

Penetapan taraf baharu tersebut akan berkuat kuasa bermula 1 Julai ini hingga 31 Disember 2027 di bawah kerangka kerja Kawal Selia Berasaskan Insentif (IBR) selaras dengan peruntukan Seksyen 26, Akta Belakan Elektrik 1990 (Akta 447).

Perubahan taraf elektrik bagi Tempoh Regulatori Keempat (RP4) membabitkan penstrukturuan semula tiga komponen iaitu kadar purata taraf asas; jadual taraf baharu dan mekanisme pelarasan kos bahan api.

Suruhanjaya Tenaga (ST) berkata, kadar purata taraf asas diselaraskan berdasarkan anggaran kos pembekalan elektrik bagi Tempoh Regulatori Keempat (RP4) dan ditetapkan pada kadar 45.40 sen/kWj berbanding 45.62 sen/kWj yang diluluskan pada Disember 2024.

"Dengan pelarasan tersebut, purata kos keseluruhan taraf elektrik berkurangan sehingga 19 peratus berbanding Tempoh Regulatori Ketiga (RP3)," katanya menerusi kenyataan.

ST berkata, pengenalan jadual taraf baharu itu turut meliputi perubahan kategori pengguna yang terbahagi kepada domestik dan bukan domestik berdasarkan penggunaan voltan sama ada voltan rendah, sederhana serta tinggi.

Selain itu, katanya, ia turut merangkumi penetapan setiap caj bagi komponen tenaga, kapasiti, rangkaian dan peruncitan yang berdasarkan kos berkaitan.

ST berkata, Insentif Cekap Tenaga akan diperkenalkan sebagai galakan kepada 23.6 juta pengguna domestik yang mengamalkan penggunaan elektrik secara berhemah.

"Melalui insentif ini, pengguna domestik dengan penggunaan elektrik 1,000 kWj dan ke bawah dijangka tidak terkesan dengan pelaksanaan jadual taraf baharu."

Selain itu, pengguna bukan domestik voltan rendah yang menggunakan 200 kWj dan ke bawah turut akan mendapat manfaat daripada insentif ini," katanya.

ST berkata, skim Masa Penggunaan (TOU) sudah diselaraskan dan diperlus kepada tempoh luar puncak yang lebih panjang iaitu keseluruhan Sabtu, Ahad dan 10 malam sehingga 2 petang pada hari Isnin hingga Jumaat.

Katanya, ia bagi menggalakkan pengurusan penggunaan yang lebih cekap mengikut waktu permintaan, sejarar dengan usaha ke arah sistem tenaga lebih cekap dan lestari.

"Sekiranya pengguna menggunakan waktu di luar puncak, pengguna dapat menjimatkan bil

Domestik			
Contoh bil semasa		Contoh bil akan datang	
Caj	Kadar (sen/kWj)	Unit (kWj)	Jumlah (RM)
1- 200kWj	0.318	150	32.70
201- 300 kWj	0.334	0	0.00
301- 600 kWj	0.316	0	0.00
601- 900 kWj	0.346	0	0.00
901 dan ke atas	0.571	0	0.00
<b>Jumlah bil</b>		<b>150</b>	<b>32.70</b>
ICPT	-0.02	150	-3.00
KWTBB	1.6%	0	-
SST	6%	0	-
<b>Jumlah yang perlu dibayar</b>			<b>29.70</b>
<b>Caj Penjanaan</b>			
Tenaga (sen/kWj)		27.03	150 47.38
Polarasian kos bahan api (sen/kWj)		0.00	150 -
Kapasiti (sen/kWj)		4.55	150 6.83
<b>Caj Rangkaian (sen/kWj)</b>		<b>12.85</b>	<b>150 19.28</b>
<b>Caj Peruncitan (RM/bulan)</b>		<b>10.00</b>	<b>- 0.00</b>
<b>Jumlah bil</b>			<b>56.66</b>
<b>Lain-lain</b>			
KWTBB	1.60%	0	0.00
SST	6%	0	0.00
<b>Jumlah bil</b>			<b>66.66</b>
<b>Insentif Cekap Tenaga (sen/kWh)</b>		<b>-25.00</b>	<b>-37.50</b>
<b>Jumlah yang perlu dibayar</b>			<b>29.16</b>

**CONTOH perbandingan bil selepas penstrukturuan semula taraf.**

elektrik berbanding penggunaan ketika waktu puncak," katanya.

ST berkata, kerajaan turut bersetuju supaya taraf spesifik digunakan bagi kategori pertanian, perkhidmatan air dan pembenturan serta operator rel bagi memastikan aspek sosial dan kebajikan dipelihara.

"Kerajaan turut bersetuju memberikan rebat sebanyak 10 peratus bagi institut berdaftar pengajian tinggi, sekolah, rumah kebajikan dan rumah ibadat.

"Serta penerusan Program Rebat Bil Elektrik RM40 iaitu bantuan bulanan sehingga maksimum RM40 yang diberikan kepada Ketua Isi Rumah (KIR) berstatus miskin tegar dan berdaftar dalam sistem e-Kash di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM).

"Pengguna yang layak boleh membuat semakan status kela-yakan masing-masing di laman sesawang <https://semakanrebat.petra.gov.my/apps/public/index.php> atau hadir ke kedai utiliti elektrik yang berhampiran," katanya.

ST berkata, secara keseluruhan pendekatan tersebut bertujuan menggalakkan inisiatif kecekapan tenaga dan penggunaan tenaga boleh baharu yang memberi manfaat bersama melalui sistem tenaga yang lebih efisien dan mampan.

"Bagi tujuan ini, semua pengguna akan menerima bil elektrik dalam format baharu yang lebih terperinci.

### Perubahan taraf elektrik bagi Tempoh Regulatori Keempat (RP4) melibatkan penstrukturuan semula tiga komponen berikut:

- (i) Kadar purata taraf asas,
- (ii) Jadual taraf baharu
- (iii) Mekanisme pelarasan kos bahan api.

### Pengenalan jadual taraf baharu ini meliputi perkara berikut:

- (i) Perubahan kategori pengguna yang terbahagi kepada domestik dan bukan domestik berdasarkan penggunaan voltan sama ada voltan rendah, sederhana dan tinggi.
- (ii) Penetapan setiap caj bagi komponen tenaga, kapasiti, rangkaian dan peruncitan yang berdasarkan kos berkaitan.

"Susulan pelaksanaan jadual taraf baharu ini, majoriti pengguna dijangka tidak terkesan. Malah, pengguna yang mengamalkan penggunaan tenaga secara cekap akan menikmati penjimatian yang lebih tinggi menerusi Insentif Cekap Tenaga," katanya.

Bagi komponen caj tenaga, ST berkata, mekanisme pelarasan kos bahan api baharu yang lebih dinamik iaitu Pelarasan Bahan Api Automatik (AFA) akan menggantikan mekanisme Pemindahan Kos Ketedakseimbangan (ICPT).

**Melalui insentif ini, pengguna domestik dengan penggunaan elektrik 1,000 kWj dan ke bawah dijangka tidak terkesan dengan pelaksanaan jadual taraf baharu. Selain itu, pengguna bukan domestik voltan rendah yang menggunakan 200 kWj dan ke bawah turut akan mendapat manfaat daripada insentif ini."**

"Mekanisme ini membolehkan pelarasan kos penjanaan dilaksanakan secara automatik berdasarkan harga bahan api di pasaran semasa dan kadar tutukan mata wang asing.

"Maklumat tersebut akan dilaporkan setiap bulan di laman sesawang ST," jelasnya.

Tambahnya, jadual taraf baharu yang akan berkuat kuasa mulai 1 Julai dan diselaraskan dalam bil elektrik bermula penggunaan Julai 2025.

Jadual taraf akan dipaparkan di laman sesawang <https://www.mytnb.com.my/tariff> mulai 21 Jun 2025, puluk 12.00 tengah hari.

Selain itu, Anggaran kos bil elektrik bulanan pada masa akan datang dengan menggunakan kalkulator taraf elektrik yang boleh diakses seawal-awalnya mulai Isnin, 23 Jun 2025 melalui laman sesawang <https://www.mytnb.com.my/tariff>.

"Untuk sebarang pertanyaan lanjut, pengguna digalakkan menghubungi TNB CareLine di talian 1-300-88-5454, emel ke [tnbcareline@tnb.com.my](mailto:tnbcareline@tnb.com.my) ataupun melalui platform rasmi TNB yang lain.

"Sebagai badan kawal senaga di Semenanjung Malaysia, ST komited untuk memastikan pelaksanaan taraf berdasarkan prinsip adil, telus dan mampan bagi memenuhi keperluan dan mengimbangi kepentingan semua pengguna tenaga.

"Penstrukturuan dan penyelarasan secara menyeluruh ini merupakan langkah penting bagi merealisasikan serta memperkuatku agenda peralihan tenaga negara yang saksama dan inklusif," katanya.